




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

22 DISEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 202 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 239,026 kes. Sebanyak dua (2) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu kes di Sandakan dan Sipitang. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 457 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 231,123 orang. Manakala 802 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 430 orang di hospital, 365 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, enam (6) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 35 orang merangkumi 33 di ICU/repurposed kritikal *care* serta dua (2) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 10 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 26 (26.53%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Lahad Datu berubah dari zon kuning ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning lima (5) daerah.
- Zon Jingga enam (6) daerah.
- Zon Merah 16 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes baharu di Sabah terus meningkat dengan pertambahan 46 kes berbanding kelmarin, menjadikan jumlah kes hari ini 202 kes.
- b. Sebanyak 13 daerah mencatatkan peningkatan kes baharu dengan tiga (3) daerah menunjukkan peningkatan ketara iaitu Kota Kinabalu +15 kes, Tuaran +13 kes dan Ranau +10 kes. Tujuh (7) daerah mencatatkan penurunan kes yang didahului oleh Penampang dengan -11 kes. Tujuh (7) lagi daerah kekal sebagaimana catatan semalam.
- c. Kota Kinabalu merekodkan kes baharu tertinggi dengan 43 kes, diikuti oleh Tuaran dengan 31 kes, Ranau 17 kes, Sandakan 17 kes, Kota Belud 15 kes dan Beaufort 10 kes. Sebanyak 17 daerah lain merekodkan kes pada kadar satu (1) angka sahaja sementara empat (4) daerah tidak mencatat sebarang kes baharu.
- d. Terdapat satu kluster baru di Sandakan. Kluster import, Kluster Millenium Saudi melibatkan seorang lelaki (indeks kes) yang baru kembali daripada ibadah umrah. Saringan PCR telah dibuat di pintu masuk KLIA setibanya indeks kes pulang dari Saudi, sebelum beliau menyambung penerbangan domestik ke Sandakan. Beliau seterusnya menjalani kuarantin wajib di rumah di Sandakan dan dimaklumkan keputusan saringan PCR (positif) pada 17 Disember 2021. Saringan yang dibuat dikalangan ahli rombongan umrah dan kontak rapat mendapati 10 orang lagi telah dijangkiti. Tindakan rawatan yang sesuai telah diambil keatas semua yang terlibat.
- e. Seramai 197 orang daripada 202 pesakit baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2 sahaja, satu (1) kes dalam Kategori 3, dua (2) kes dalam Kategori 4 dan seorang dalam Kategori 5. JKNS masih membuat penilaian keatas satu (1) kes lagi.

- f. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (82) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	9	4.46%
2	Bergejala	82	40.59%
3	Kontak	82	40.59%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	29	14.35%
JUMLAH		202	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (21 Disember 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 21/12/2021	Catatan Kes 22/12/2021	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	28	43	+15
2	Tuaran	18	31	+13
3	Ranau	7	17	+10
4	Beaufort	2	10	+8
5	Keningau	0	6	+6
6	Sandakan	13	17	+4
7	Tenom	3	5	+2
8	Lahad Datu	1	3	+2
9	Beluran	1	3	+2
10	Pitas	0	2	+2
11	Semporna	2	3	+1
12	Kuala Penyu	2	3	+1
13	Tongod	1	2	+1
14	Kota Belud	15	15	Mendatar
15	Kota Marudu	8	8	Mendatar
16	Tambunan	5	5	Mendatar
17	Nabawan	1	1	Mendatar
18	Tawau	1	1	Mendatar
19	Kinabatangan	1	1	Mendatar
20	Kalabakan	0	0	Mendatar
21	Penampang	19	8	-11
22	Sipitang	7	4	-3
23	Papar	11	9	-2
24	Putatan	7	5	-2
25	Kunak	1	0	-1
26	Kudat	1	0	-1
27	Telupid	1	0	-1
JUMLAH		156	202	+46

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (08 Disember – 21 Disember)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	1	22	19	0	1	43	535
Tuaran	2	11	11	0	7	31	371
Sandakan	6	5	3	0	3	17	125
Ranau	0	4	11	0	2	17	239
Kota Belud	0	11	4	0	0	15	229
Beaufort	0	0	7	0	3	10	87
Papar	0	4	3	0	2	9	204
Penampang	0	5	3	0	0	8	242
Kota Marudu	0	6	1	0	1	8	79
Keningau	0	1	3	0	2	6	88
Putatan	0	1	3	0	1	5	132
Tambunan	0	1	4	0	0	5	61
Tenom	0	3	2	0	0	5	119
Sipitang	0	0	3	0	1	4	38
Kuala Penyu	0	3	0	0	0	3	78
Semporna	0	0	0	0	3	3	10
Lahad Datu	0	2	1	0	0	3	21
Beluran	0	2	1	0	0	3	20
Tongod	0	0	2	0	0	2	16
Pitas	0	0	1	0	1	2	29
Tawau	0	0	0	0	1	1	45
Kinabatangan	0	0	0	0	1	1	30
Nabawan	0	1	0	0	0	1	23
Telupid	0	0	0	0	0	0	24
Kudat	0	0	0	0	0	0	41
Kunak	0	0	0	0	0	0	5
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	7
JUMLAH	9	82	82	0	29	202	2,898

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Puncak Ilmu	1
Sandakan	Kluster Milienium Saudi	6
Tuaran	Kluster Jalan Tuaran Bakut	2
Jumlah		9

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

Kluster Millenium Saudi - Sandakan melibatkan jemaah umrah yang baru tiba di Sandakan dan dikategorikan sebagai kluster import. Kes indeks merupakan lelaki tempatan, 40, dengan sejarah perjalanan menunaikan umrah bermula 04 hingga 15 Disember 2021 di Arab Saudi. Kes indeks yang menjalani saringan sebelum melakukan perjalanan didapati negatif. Setibanya di KLIA, kes indeks menjalani saringan RT-PCR dan terus ke Sandakan serta menjalani kuarantin wajib di rumah. Bagaimanapun, kes indeks dikesan positif COVID-19 menerusi keputusan RT-PCR pada 17 Disember 2021. Saringan yang dijalankan terhadap 57 kontak rapat mendapati sebanyak 10 lagi kes positif terdiri daripada ahli rombongan umrah bersama kontak rapat yang lain, sekali gus menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 11 kes. Semua pesakit beserta kontak rapat telah dikuarantin dan diberi rawatan yang sesuai.

7 Jumlah kapasiti katil 4,216 unit

- Hospital 1,329 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,697 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 19.02%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 22 DISEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	184
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	10
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	8
Jumlah	202

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Arab Saudi	8
UK	1
Filipina	1
Jumlah	10

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	190
Bukan Malaysia	12
Jumlah	202

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	30
Belum Menerima Vaksin	25
Menerima 1 Dos	2
Lengkap 2 Dos	140
Dos Penggalak	5
Jumlah	202

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	4
1 to 5	15
6 to 11	11
12 to 17	6
18 to 25	31
26 to 59	109
>60	26
Jumlah	202

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 21 Disember 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 5,082 orang. Daripada jumlah ini, seramai 4,879 orang adalah penduduk dewasa dan 203 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 21 Disember 2021 adalah seramai 2,447,138 orang. Ini meliputi 2,111,330 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.54% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,400,640 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,090,139 orang atau 75.77% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 335,808 orang atau 77.38% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 310,501 atau 71.54% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **679,844** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 7,864 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 52 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 141 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 43 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu tangkapan dibuat di bawah Ordinan Tanah Sabah (CAP 68)

4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 999 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Sebanyak lima (5) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu tiga (3) di daerah Kinabatangan dan dua (2) di daerah Tawau.
- ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 258 premis perniagaan dan 311 individu di 18 kawasan. Tiga (3) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di 7 Eleven, Metro Town (1 Orang), Jesselton Dental Clinic (1 Orang) dan Eki Print KK Sdn. Bhd., Metro Town. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan pekerja gagal mendaftar masuk premis sama ada menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Itely Professional Academy, Metro Town.

5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 232 Premis Perniagaan melibatkan 141 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.

6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 121 anggota di 222 lokasi.

7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.

8 Sejumlah 20 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di dua (2) daerah pada hari ini.

9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 77 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.6%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.8%
2	Keningau	98.8%
3	Beluran	98.7%
4	Kinabatangan	98.7%
5	Sipitang	98.7%
6	Tenom	98.7%
7	Kota Marudu	98.6%
8	Beaufort	98.6%
9	Semporna	98.6%
10	Lahad Datu	98.6%
11	Kudat	98.5%
12	Sandakan	98.5%
13	Tawau	98.5%
14	Tuaran	98.5%
15	Penampang	98.5%
16	Papar	98.5%
17	Kota Kinabalu	98.4%
18	Kota Belud	98.3%
19	Ranau	98.3%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II